

Headline	UniKL, Thunderbolts selangkah ke final hold Piala Milo		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	197,952
Page No	35	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	114 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,485
Frequency	Daily	PR Value	MYR 4,456



## UniKL, Thunderbolts selangkah ke final hoki Piala Milo

KUALA LUMPUR - Pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL Young Guns) dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI Thunderbolts) kini selangkah ke perlawanan akhir Piala Milo, Ahad ini apabila kedua-dua pasukan meraih kemenangan besar pada perlawanan separuh akhir pertama, semalam.

Pada separuh akhir pertama itu, UniKL Young Guns meraih kemenangan 6-0 menewaskan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI Junior) di Stadium Hoki Nasional

Bukit Jalil manakala SSTMI Thunderbolts menang 8-0 ke atas MBI-Anderson di Stadium Taman Daya, Johor Bahru.

Meskipun empat pasukan tersebut bakal beraksi untuk perlawanan separuh akhir kedua pada Jumaat ini, namun peluang ke perlawanan akhir lebih memihak UniKL Young Guns dan SSTMI Thunderbolts berikutan memperoleh kelebihan jaringan.

Jurulatih UniKL Young Guns, K. Enbaraj berkata, kemenangan besar semalam membolehkan mereka selesa untuk menghadapi separuh akhir kedua dengan merehatkan beberapa pemain utama.

“Saya dapat lihat prestasi pemain berada di tahap yang terbaik sejak kami beraksi pada saingan suku akhir lagi, namun masih ada beberapa taktikal yang perlu diperbaiki.

“Kami memang mengharapkan

untuk melangkah ke perlawanan akhir dan saya mahu pemain mempertingkatkan persembahan mereka dan dalam masa yang sama sudah tentu kami tidak mahu ambil mudah perlawanan separuh akhir kedua nanti,” katanya kepada pemberita selepas tamat perlawanan di sini, semalam.

Pada perlawanan semalam, pemain UniKL Young Guns, M. Hafif Elkan Rerasa menjadi tumpuan utama apabila meraih hatrik untuk pasukannya pada minit ke-14, 28’ dan 59’.

Sementara tiga lagi gol UniKL Young Guns diperolehi menerusi dua gol daripada Muhd. Syafiq Zulzairin minit ke-25 serta minit ke-61 dan Norsyafiq Sumantri minit ke-43.